IDEA Barang awam | Eksternaliti negatif

1. Petikan di bawah berkaitan dengan jalan raya di Malaysia.



Sebahagian besar jalan raya di Malaysia dibina oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri iaitu sepanjang 61 420 km jalan raya negeri serta 18 904 km jalan raya persekutuan. Sejak tahun 1980-an, pembinaan lebuh raya bertol telah dimulakan oleh sektor swasta dan kini Malaysia mempunyai lebih daripada 2 000 km lebuh raya bertol terutamanya di Lembah Klang.

Adakah anda bersetuju dengan pembinaan lebuh raya bertol di Malaysia? Berikan alasan anda.

2. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Sanggup abaikan soal kualiti

KUANTAN: Lambakan produk kosmetik di pasaran tempatan menambahkan permintaan pasaran terhadapnya. Sinar Harian telah meninjau ke beberapa lokasi tumpuan untuk melihat keadaan lambakan produk kosmetik. Memang wujudnya pembeli tegar yang setia menggunakannya walaupun mereka tahu produk tersebut merupakan barangan tiruan. Seorang peniaga berkata bahawa penjualan produk kosmetik kadang kala mampu mendapatkan pulangan yang lumayan terutamanya menjelang musim perayaan dan pada awal bulan.

"Sebagai peniaga, kita mestinya nak jual barangan yang dapat permintaan tinggi daripada pengguna, jadi pemilihan jenis produk penting juga. Pembeli pada masa kini dah tak fikirkan soal keaslian dan mutu produk, malah mereka tak kisah beli barangan tiruan asalkan kualitinya hampir sama. Malah harga tiruan jauh lebih murah dan mudah juga bagi mereka yang ingin mengumpul untuk jadikannya sebagai koleksi sebab barang kosmetik ini sentiasa ada keluaran terbaharu," katanya kepada Sinar Harian.

(Dipetik dan disesuaikan daripada: www.sinarharian.com.my)

(a) Jelaskan sebab-sebab berlakunya masalah di atas.

(b) Jelaskan tindakan pihak berikut untuk mengatasi masalah di atas.
   (i) Pengguna
   (ii) Kerajaan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

IDEA Pengangguran | Pertumbuhan ekonomi

1. Petikan di bawah berkaitan dengan CUEPACS.

Cadangan menaikkan had umur persaraan penjawat awam kepada 62 tahun

Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk menaikkan umur persaraan penjawat awam kepada 62 tahun. CUEPACS berpendapat bahawa langkah ini merupakan satu persediaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa setaraf dengan negara maju yang lain.

Adakah anda bersetuju dengan cadangan CUEPACS? Berikan pendapat anda.

2. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Potensi produk herba tempatan

Malaysia kaya dengan pelbagai khazanah alam yang nilainya sangat tinggi terutamanya untuk kesihatan badan. Industri herba berpotensi besar untuk menjana ekonomi negara dan ia juga meningkatkan daya saing Malaysia di pasaran antarabangsa sebagai pengeluar produk herba.

Industri herba merupakan sumber pertumbuhan ekonomi negara. Inisiatif tersebut merupakan projek permulaan (EPP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pertanian dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP). Subkumpulan Herba ditubuhkan di bawah MOA bagi menyelaras dan memantau keberkesanan pelaksanaan EPP1 *High Value Herbal Products*.

Semua syarikat yang terlibat dalam industri herba juga dipelawa untuk melaksanakan inisiatif NKEA Pertanian bagi Subsektor Herba. Terdapat 215 000 jenis tumbuh-tumbuhan di negara ini dan 3 000 jenis tumbuhan daripada jumlah itu sesuai untuk perubatan. Namun, hanya 50 hingga 100 jenis tumbuhan antaranya tongkat ali, misai kucing dan pegaga yang digunakan untuk dijadikan pelbagai produk.

(Dipetik dan disesuaikan daripada:www.sinarharian.com.my)

(a) Berdasarkan petikan di atas, jelaskan peluang perniagaan yang boleh diusahakan oleh usahawan tempatan.

(b) Jelaskan kepentingan industri herba kepada ekonomi Malaysia.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KBAT EKSTRA BAB 1c

IDEA Jenis pelaburan | Pendapatan pengguna | Faktor pengeluaran | Produktiviti

1. Teliti maklumat di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.



Rumah banglo bersaiz 3 500 kaki persegi di Taman Matahari.

Hanya 5 kilometer dari pusat bandar Seremban.

Harga: RM600 000

Berminat?

Sila hubungi: Zakaria 011-2244455

(a) Jelaskan ciri-ciri pelaburan di atas.

(b) Bagaimanakah pelaburan di atas menjana pendapatan?

2. Gambar di bawah menunjukkan salah satu sumber ekonomi di negara kita.



(a) Jelaskan sumbangan sumber ekonomi di atas kepada ekonomi negara.

(b) Bagaimanakah kerajaan boleh meningkatkan produktiviti sumber ekonomi tersebut?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KBAT EKSTRA BAB 2A

IDEA Syarikat multinasional Faktor penggalak globalisasi

1. Maklumat di bawah berkaitan dengan satu syarikat multinasional di Malaysia.

> Kafeteria Oldtown White Coffee yang dimiliki oleh Oldtown Berhad merupakan sebuah syarikat milik Malaysia yang mempunyai 197 buah cawangan di seluruh negara. Syarikat ini juga mempunyai cawangan di Indonesia, Australia, China, Singapura dan Hong Kong.

Mengapakah Oldtown Berhad membuka cawangan di luar negara?

2. Maklumat di bawah berkaitan dengan Sukan SEA.

> Malaysia menganjurkan Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9. Sukan SEA berlangsung dari 19 hingga 30 Ogos 2017 sementara Sukan Para ASEAN pula diadakan dari 17 hingga 23 September 2017.

Jelaskan kesan terhadap ekonomi negara Malaysia daripada penganjuran acara tersebut.

3. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.



Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah menganjurkan dua kempen iaitu *MyBest Buy* dan Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan Tempatan di seluruh negara untuk menggalakkan rakyat Malaysia supaya memakan lebih banyak buah-buahan tempatan. Kajian menunjukkan rakyat Malaysia hanya makan 63kg buah-buahan setahun berbanding dengan 400kg yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). Kempen ini menyasarkan rakyat Malaysia makan sekurang-kurangnya 150kg buah-buahan setahun khususnya buah-buahan tempatan.

(a) Jelaskan kesan terhadap pasaran buah-buahan tempatan jika kempen ini berjaya mencapai objektifnya.

(b) Bagaimanakah kempen ini menyumbang kepada ekonomi negara?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

IDEA Perdagangan antarabangsa

1. Petikan di bawah berkaitan dengan penanaman jagung di Malaysia.

Boleh jimat RM3.2 bilion jika tanam jagung dalam negara

ISKANDAR PUTERI: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata bahawa negara kita dijangka dapat berjimat sebanyak RM3.2 bilion sekiranya jagung ditanam dalam negara berbanding dengan mengimportnya daripada negara lain.

Beliau berkata pada masa kini, negara kita telah membelanjakan RM3.2 bilion untuk mengimport tiga juta tan metrik jagung setiap tahun bagi menampung keperluan permintaan dalam negara.

Beliau juga berpendapat bahawa jika hendak menanam jagung di negara kita, memerlukan kawasan penanaman seluas 300 000 hingga 400 000 hektar untuk menampung permintaan jagung dalam negara kita.

(Dipetik dan disesuaikan daripada: http://www.astroawani.com)

Adakah anda bersetuju dengan saranan Menteri Pertanian Malaysia? Berikan alasan anda.

2. Petikan di bawah berkaitan dengan pasaran produk halal.

Kembangkan pasaran produk halal

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong berkata bahawa Malaysia tetap memiliki kelebihan untuk muncul sebagai hab halal global walaupun menghadapi persaingan dari Indonesia, Thailand dan Amerika Syarikat. Beliau berkata bahawa Malaysia menerajui sektor halal di peringkat dunia, malah pengiktirafan logo halal sah diguna pakai di seluruh dunia.

"Produk halal menyumbang sebanyak 7.5 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2015 dan jumlahnya mampu meningkat dalam beberapa tahun akan datang," katanya.

(Dipetik dan disesuaikan daripada: http://www.sinarharian.com.my)

Mengapakah kerajaan menyeru supaya pengeluar perlu mengembangkan pasaran produk halal?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

IDEA Imbangan Pembayaran

1. Petikan di bawah berkaitan dengan Kejohanan Formula 1 (F1).

Peminat tempatan harap F1 kembali

Litar Antarabangsa Sepang (SIC) akhirnya mengucapkan selamat tinggal kepada perlumbaan kereta yang paling dinanti-nantikan di dunia selepas menganjurkan Kejohanan Formula 1 (F1) dunia selama 19 tahun.

Kerajaan Malaysia membuat pengumuman pada April tentang keputusan bahawa tidak lagi akan menganjurkan F1 disebabkan kos penganjurannya yang tinggi dan jumlah penonton yang merosot dari setahun ke setahun.

Walau bagaimanapun, beberapa peminat masih mengharapkan kerajaan membuat pertimbangan supaya meletakkan semula Malaysia dalam kalendar F1.

(Dipetik dan disesuaikan daripada: www.sinarharian.com.my)

Adakah anda bersetuju dengan permintaan peminat sukan tersebut? Berikan alasan anda.

2. Petikan di bawah berkaitan dengan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

1.5 juta pelabur muda ASNB

PUTRAJAYA: Seramai 1.5 juta atau 11.4 peratus daripada jumlah pemegang unit Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) membabitkan pelabur yang berusia antara enam bulan hingga 18 tahun dengan nilai pelaburan sebanyak RM6.746 bilion.

Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) berkata bahawa jumlah pelaburan tersebut adalah daripada 13.1 juta pemegang unit melalui pelaburan dalam 10 jenis produk unit amanah ASNB sehingga tempoh 31 Ogos lalu.

Beliau juga berkata bahawa generasi berusia antara enam bulan hingga 18 tahun adalah sasaran PNB dalam program Didik Pelabur yang dianjurkan pada setiap tahun.

(Dipetik dan disesuaikan daripada: www.bharian.com.my)

Jelaskan kelebihan yang dinikmati oleh pelabur muda yang melabur dalam unit Amanah Saham Nasional Berhad.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

IDEA Kadar Pertukaran Asing

1. Petikan di bawah berkaitan dengan eksport perabot di Malaysia.

> Kerajaan berharap pengeluar perabot Malaysia akan mencapai sasaran eksport sebanyak RM12 bilion pada tahun 2020. Pada tahun 2016, eksport perabot Malaysia adalah bernilai RM9.53 bilion berbanding dengan RM9.14 bilion pada tahun sebelumnya. Malaysia merupakan pengeskport perabot kelapan terbesar di dunia.
>
> *(Dipetik dan disesuaikan daripada: www.nst.com)*

(a) Hitungkan peratus peningkatan eksport perabot Malaysia pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015.

(b) Jelaskan tindakan yang perlu diambil oleh pengeksport perabot Malaysia untuk mencapai sasaran di atas.

2. Jadual di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat (USD) dan Pound Sterling (£) pada bulan Januari dan Julai tahun 2017.

Tarikh	RM/USD	RM/£
12.1.2017	4.4625	5.4496
13.7.2017	4.2605	5.5305

Jelaskan kesan terhadap imbangan dagangan antara Malaysia dengan Amerika Syarikat dan Britain dalam tempoh tersebut.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.